



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**11 SEPTEMBER 2017 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Berita Harian**

- |  |    |
|--|----|
| - Penduduk Taman Melawati semakin tertekan | 12 |
|--|----|

**Utusan Malaysia**

- |                                     |    |
|-------------------------------------|----|
| - 30,000 penduduk bantah bina dewan | 27 |
|-------------------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**11 SEPTEMBER 2017 (ISNIN)**

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Penduduk Taman Melawati semakin tertekan
Muka Surat	12

Ms.12

Isnin, 11 September 2017 BH

## → HALAMAN KOTA

**PEMBANGUNAN DI TAPAK REKREASI**



Razman (empat dari kanan) bersama ahli persatuan penduduk membantah pembinaan pusat konvensyen di hadapan Melawati Mall.



**Pelan asal** pembinaan taman rekreasi di hadapan Melawati Mall.

**Razman Hakimi Abdullah,**  
Pengerusi Persatuan  
Penduduk Jalan A, B dan C

Isu kesesakan lalu lintas yang MPAJ janji hendak selesaikan beberapa bulan lalu, masih belum dikotakan, kini mahu membina pula sebuah pusat konvensyen yang pastinya akan menambah masalah”

**Ibu**  
Isu kesesakan lalu lintas yang MPAJ janji hendak selesaikan beberapa bulan lalu, masih belum dikotakan, kini mahu membina pula sebuah pusat konvensyen yang pastinya akan menambah masalah”

**Razman Hakimi Abdullah,**  
Pengerusi Persatuan  
Penduduk Jalan A, B dan C

# Penduduk Taman Melawati semakin tertekan

**• Masalah jalan sesak belum selesai, MPAJ rancang bina pusat konvensyen pula**

**Oleh Mohd Pharkhan Abdul Ghafar**  
bhnews@bh.com.my

**• Ampang**

**B**eban dihadapi sebahagian penduduk di Taman Melawati, di sini yang rimas dengan kesesakan lalu lintas akibat operasi sebuah kompleks beli-belah di situ, bakal bertambah dengan cadangan pembinaan sebuah pusat konvensyen pula.

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pernah ditanya mengenai perkembangannya di Taman Melawati. Mereka mendakwa, pelan asal pembangunan kawasan itu sebelum ini memerlukan pembenaran untuk pembangunan sebuah taman rekreasi di kawasan seluas 1.365 hektar, bersebelahan kompleks beli-belah

Melawati Mall. Sehubungan itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Jalan A, B dan C, Razman Hakimi Abdullah mendengar Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Azmin Ali yang juga Ahli Parlimen Gombak membentakkan cadangan pembinaan pusat konvensyen terbatas.

“Isu kesesakan lalu lintas yang MPAJ janji hendak selesaikan beberapa bulan lalu, masih belum dikotakan, kini mahu membina pula sebuah pusat konvensyen yang pastinya akan menambah masalah”

**Taman rekreasi pelan asal**  
“Mengikut pelan pembangunan semula diperkenalkan pemaju, Sime Darby Property lima tahun lalu, kawasan yang dicadangkan itu sepatutnya dibangunkan sebagai taman rekreasi untuk penduduk.

“Cadangan taman rekreasi itu juga dipaparkan dalam pelan pembangunan dan risalah promosi jualan dua projek panggang pun yang

sedang dibangunkan berhampiran kawasan berkenaan,” katanya.

Katanya, penduduk membantah cadangan pembinaan pusat konvensyen itu dan menggesa MPAJ meneruskan perancangan pembangunan mengikut pelan asal penaja.

Tinjauan mendapati sebahagian daripada lokasi dicadangkan itu menempatkan pusat khidmat masyarakat Ahli Parlimen, tempat letak kereta dan gelanggang futsal, manakala sebahagian besar lagi dalam keadaan terbait.

Seluruh ini *Halaman Kota* pentingnya merupakan salah ketiga satuan lalu lintas dan lekuhanan tempat letak kenderaan yang terpaksa dihadapkan penduduk selepas pusat beli-belah Melawati Mall dibina.

**Kumpul petisyen**  
Setiap hari, penduduk terpaksa menemui kesesakan amat teruk pada waktu puncak, diburukkan lagi apabila ada aktiviti perniagaan besar di dalam atau pasar tani setiap hujung minggu.

Razman berkata, berikutnya cadangan pembinaan pusat konvensyen itu, kedudukan taman rekreasi terbatas akan dipindahkan ke lokasi baharu, kira-kira satu kilometer dari tapak cadangan asal.

“Kami sedang mengumpul petisyen secara dalam talian bagi membantah projek pembinaan pusat konvensyen itu,” katanya.

Katanya, beliau sendiri akan menghantar dokumen dan petisyen bantahan itu kepada Menteri Besar, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang, Saari Sungai dan MPAJ.

“Kami harap iu ini dibawa ke sidang Dewan Undangan Negeri (DUN). Jika pihak berkenaan berdiagram diri, penduduk bercadang ambil tindakan undang-undang, faillkan semakan kehakiman sebagaimana terakhir menyelesaikan isu ini,” katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
11 SEPTEMBER 2017 (ISNIN)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	30,000 penduduk bantah bina dewan
Muka Surat	27

UTUSAN MALAYSIA • ISNIN 11 SEPTEMBER 2017



RAZMAN HAKIMI ABDULLAH (empat dari kiri) bersama wakil penduduk menunjukkan tapak rekreasi bersebelahan Melawati Mall yang telah dibatalkan pembinaannya dan digantikan dengan Pusat Konvensyen MPAJ di Ulu Kelang, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN MALAYSIA/SAIFUL BAHARI ASHARI

# 30,000 penduduk bantah bina dewan

Oleh FAUZI SUHAIMI  
kota@utusangroup.com.my

■ AMPANG 10 SEPT.

KIRA-KIRA 30,000 penduduk Taman Melawati, Hulu Kelang di sini, membantah cadangan pembinaan projek sebuah pusat konvensyen berhampiran kawasan perumahan mereka kerana bakal menyebabkan pelbagai masalah termasuk kesesakan lalu-lintas.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Melawati Zon A, B dan C, Razman Hakimi Abdullah berkata, tapak berkeluasan 1.32 hektar yang sepatutnya dibina sebuah taman rekreasi itu telah diubah untuk membina depan bekanaan tanpa pengetahuan dan persetujuan penduduk setempat.

Menurutnya, perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana kerajaan negeri menerusi Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah menjanjikan kawasan itu

untuk dijadikan taman rekreasi dan ia turut direzabkan sebagai tanah kemudahan awam.

"Pada lima tahun lepas penduduk telah bersetuju untuk membina sebuah taman rekreasi bagi tujuan riadah dan mengekalkan kawasan hijau menerusi pendengaran awam dan mesyuarat dengan pemaju bersama MPAJ namun apa yang dijanjikan itu tidak ditunaikan.

"Namun, pada 18 Mei lalu kami dimaklumkan untuk menghadiri mesyuarat bersama MPAJ untuk mendengar perubahan pelan oleh pemaju bagi menggantikan pembinaan taman rekreasi kepada sebuah dewan untuk tujuan tertentu," katanya kepada pemerita, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Razman Hakimi mendakwa, MPAJ dan pejabat Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memaklumkan kepada penduduk bahawa persetujuan telah dicapai sebelum ini dan pelan pembangu-

nan itu tidak boleh diubah.

"Mana mungkin perkara ini berlaku sedangkan sesi pendengaran awam dan dialog tidak diadakan MPAJ sebelum memberi kelulusan pelan baharu itu dan ini sangat tidak adil.

"Kami mewakili semua penduduk di sini membantah dan tidak mahu projek pembinaan dewan dilakukan kerana itu dilihat tidak memenuhi keperluan semasa berbanding taman rekreasi yang masih tiada di kawasan ini," tegasnya.

Tambahnya, sebanyak lebih 2,000 tandatangan petisyen bantahan cadangan pelan itu berjaya dikumpul pihaknya dan akan dihantar kepada pihak berwajib.

"Kami akan menghantar petisyen dan dokumen-dokumen yang berkaitan kepada pihak pemaju, MPAJ dan Mohamed Azmin pada Isnin ini bagi mendangkan perubahan pelan pembangunan itu kepada yang asal," katanya lagi.